

27 DEC 1999

Negara-Bahas

SENATOR SARAN TINDAKAN TEGAS TERHADAP HARAKAH

KUALA LUMPUR, 27 Dis (Bernama) -- Beberapa orang Senator dalam sesi perbahasan di Dewan Negara hari ini meminta kerajaan mengambil tindakan tegas terhadap akhbar "Harakah", iaitu lidah rasmi PAS yang cenderung menyiarkan berita berunsur fitnah.

Senator Datuk Abdul Aziz Abdul Rahman berkata, kerajaan juga harus mengambil tindakan tegas terhadap penerbit Harakah yang tidak mematuhi arahan Kementerian Dalam Negeri supaya menjual akhbar itu kepada anggota PAS sahaja.

"Harakah sekarang dijual dengan berleluasa dan boleh didapati dengan mudah di kedai-kedai biasa," katanya ketika membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1999) (No.2) 1999, di persidangan pertama dewan itu di sini.

Senator Datuk Zainudin Maidin yang turut bersetuju dengan Abdul Aziz berkata, kerajaan hanya perlu menghadkan edaran Harakah kepada anggota PAS sahaja dan tidak harus bertindak mengharamkan akhbar itu.

"Sebagai negara demokratik kita tidak perlu mengharamkan Harakah dan sebagai rakyat yang berpendidikan pula, kita tidak seharusnya takut untuk membaca Harakah," katanya.

Beliau berkata rakyat akhirnya akan merasa muak dan tidak lagi membaca Harakah sekiranya akhbar itu masih meneruskan sikapnya untuk menyiarkan berita bercorak gosip dan pembohongan.

"Berita-berita bohong dan gosip seperti Menara Kuala Lumpur retak dan wujudnya dua Mahathir yang disiarkan Harakah telah meletakkan akhbar itu setaraf dengan akhbar tabloid lain," katanya.

Ketua Dewan Muslimat PAS, Senator Jamilah Ibrahim yang bangun meminta penjelasan berkata pimpinan atasan PAS sebenarnya tidak merestui tindakan beberapa pihak untuk menjual Harakah kepada bukan anggota parti itu.

"Tetapi kebiasaannya sifat semulajadi manusia, benda dilarang itulah dia nak buat. Itu bukan salah kami yang mengeluarkan Harakah. Yang bersalah ialah warung-warung dan kedai-kedai kecil yang mengambil kesempatan dan tidak patuh kepada etika jualan. Bertindaklah kepada yang bersalah, jangan bertindak terhadap kami," kata Jamilah.

Zainudin berkata beliau gembira dengan kenyataan Jamilah itu kerana ia bermakna pihak pimpinan atasan PAS merestui langkah kerajaan baru-baru ini untuk merampas akhbar Harakah yang di dapati dijual kepada bukan anggota parti itu.

Sementara itu, Zainuddin turut menyentuh mengenai isu sambutan tahun baru khasnya "Salem Cool Planet Millenium Party" yang menjadi kegilaan anak-anak muda.

Beliau berkata, apa yang disiarkan pada muka depan akhbar New Straits Times hari ini jelas menjadi bukti bahawa budaya ber 'parti' seperti yang berlaku di Barat kini telah menular ke negara ini.

"Mereka sanggup berpanas, beratur sejak pukul 4 pagi semata-mata untuk mendapatkan tiket percuma untuk menyertai apa yang digembar-gemburkan sebagai "the coolest party" yang dianjurkan oleh Salem Cool Planet bagi menyambut tahun baru," katanya.

Menurut beliau, cara seperti itu adalah tidak sesuai dengan adat dan cara hidup kebanyakan masyarakat di negara ini. Ia jelas menampakkan ada pihak yang cuba mengotori fikiran anak-anak muda kita, katanya.

"Bukan kita tidak boleh adakan sambutan tahun baru dan 'parti' seperti itu, tetapi tunjukkanlah imej yang sesuai dengan negara kita sendiri,"

katanya.

Sementara itu, Senator Zainal Rampak yang juga Presiden Kongress Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) dalam perbahasannya berkata kenaikan harga barang keperluan yang berlaku sekarang perlu ditangani segera oleh kerajaan.

"Kakitangan awam belum lagi dapat kenaikan gaji 10 peratus yang dicadangkan oleh kerajaan berkuatkuasa 1 Jan 2000 tapi, harga barang dah naik dah, harga dah melambung tinggi. Apakah kita harus tutup mata sahaja? Siapa nak bela nasib mereka?" katanya.

Menurut beliau, pihaknya dengan kerjasama Fomca dan Cuepacs telah beberapa kali "turun padang" untuk menyiasat kenaikan harga ayam sebagai "mata dan telinga" kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

"Tujuan kami menyiasat itu sebenarnya hanyalah untuk melihat sendiri harga yang ditawarkan oleh peniaga di beberapa pasar seluruh negara dan bukannya bermaksud membesarkan isu itu dan menimbulkan panik di kalangan masyarakat," katanya.

Zainal berkata, pihak pengguna sepatutnya membuat "checklist" barangan yang hendak dibeli dan pergi membandingkan harga barang itu di beberapa kedai dahulu sebelum membuat keputusan untuk membelinya supaya tidak menjadi mangsa kepada mereka yang ingin mengambil kesempatan.

Datuk Karim Ghani yang baru mengangkat sumpah sebagai Senator pagi tadi dalam perbahasannya berkata, kenaikan harga barang dapat dikawal sekiranya kerajaan memaklumkan pengguna mengenai peniaga-peniaga yang menawarkan harga yang lebih murah berbanding peniaga lain yang menaikkan harga jualan mereka.

"Ia seperti mengiklankan kedai-kedai itu dalam satu bentuk promosi khas supaya pengguna tahu di mana mereka boleh mendapatkan barang keperluan mereka pada harga yang lebih murah," katanya.

Menurut beliau, secara tidak langsung, tindakan ini merupakan bantuan kerajaan kepada kedua-dua belah pihak (pengguna dan peniaga) dan sekaligus membantu kepada proses menurunkan harga barang di pasaran.

Persidangan disambung esok.

-- BERNAMA

NHA PR